

KESAN PENGANTARA LATIHAN TERHADAP HUBUNGAN ANTARA BANTUAN ZAKAT, SIMPANAN, MOTIVASI, JARINGAN DENGAN TAHAP PRESTASI PERNIAGAAN USAHAWAN ASNAF DALAM PROGRAM BANTUAN JAYADIRI

*Impact of Training as Mediator on the relationship between Zakat Assistance,
Savings, Motivation, Networking with Asnaf Entrepreneur Business
Performance in Program Bantuan Jayadiri*

Norashidah Hashim ^{1*}

Azizah Othman ²

Armanurah Mohamad ³

Muhammad Nasri Hussain ⁴

¹School of Business Management, Universiti Utara Malaysia

²Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia

³School of Business Management, Universiti Utara Malaysia

⁴Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author (Email: norashidah@uum.edu.my)

Received: 6 August 2023, Reviewed: 20 August 2023, Published: 30 September 2023

Abstrak: Kajian ini meninjau kehidupan usahawan asnaf di negeri Kedah yang menerima bantuan zakat dalam program Bantuan Jayadiri. Kertas ini membincangkan kesan pengantara latihan terhadap hubungan antara bantuan zakat, simpanan, motivasi, jaringan dengan tahap prestasi perniagaan usahawan asnaf. Soal selidik mengandungi 60 item diedarkan kepada 49 orang usahawan asnaf menggunakan persampelan bertujuan. Analisis menggunakan Partial Least Squares Structural Equation Modelling digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara bantuan zakat, simpanan, motivasi dan jaringan dengan latihan. Manakala tiada hubungan yang signifikan antara latihan dan prestasi perniagaan. Oleh yang demikian, tiada kesan pengantara latihan terhadap hubungan antara faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan dengan prestasi perniagaan usahawan asnaf di Kedah. Hal ini menunjukkan bahawa latihan tidak memberikan kesan terhadap kepada prestasi perniagaan mungkin disebabkan kebanyakan usahawan ini tidak menerima latihan yang berkesan. Adalah dicadangkan usahawan asnaf diberikan latihan yang berstruktur untuk meningkatkan prestasi perniagaan mereka.

Kata Kunci: Latihan, Bantuan Zakat, Simpanan, Motivasi, Jaringan, Prestasi Perniagaan

Abstract: This study explore at the lives of asnaf entrepreneurs in the state of Kedah who received zakat assistance in the Bantuan Jayadiri program. This paper discusses the impact of training as mediator on the relationship between zakat assistance, savings, motivation, networking with the level of business performance of asnaf entrepreneurs. The study population consisted of 76 entrepreneurs who received assistance from the Kedah State Zakat

Board. The questionnaire consists of 30 items distributed to 49 respondents using the purposeful sampling method and self-administered to the respondent's residence. The analysis using Partial Least Squares Structural Equation Modelling was used to answer the study question. The findings of this study show that there is no significant relationship between zakat assistance, savings, motivation and networking with training. While there is no significant relationship between training and business performance. As such, there is no mediating effect of training on the relationship between factors affecting business performance and business performance of asnaf entrepreneurs in Kedah. This shows that training has no effect on business performance probably because most of these entrepreneurs do not receive effective training. It is proposed that asnaf entrepreneurs be given structured training to improve their business performance.

Keywords: Training, Zakat Assistance, Savings, Motivation, Networking, Business Performance

PENGENALAN

Kemelut kemiskinan yang membelenggu kehidupan penduduk Malaysia khususnya di negeri Kedah meletakkan negeri ini di kedudukan tempat kedua akhir negeri termiskin bagi seluruh Malaysia. Kadar purata pendapatan isi rumah di negeri Kedah ialah RM4971 dengan median RM3811, dan kadar purata pendapatan isirumah dalam kategori B40 ialah RM 2848 pada tahun 2016 (Jabatan Statistik Malaysia, 2017). Pelbagai inisiatif dilakukan oleh banyak pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, dan juga orang perseorangan melalui pelbagai bentuk sokongan untuk mengatasi masalah ini. Usaha membantu golongan miskin di negeri Kedah turut dilakukan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Pengagihan zakat kepada golongan asnaf dalam kategori fakir miskin diberikan dalam pelbagai bentuk sama ada kewangan atau bukan kewangan termasuk golongan usahawan asnaf. Antara inisiatif telah dibuat oleh LZNK untuk pembangunan golongan asnaf ini sama ada untuk membangunkan perniagaan atau mengembangkan perniagaan adalah melalui program khusus yang dinamakan Bantuan Jayadiri. Kertas ini akan membincangkan kesan pengantara latihan terhadap hubungan faktor-faktor berkaitan dengan perniagaan seperti bantuan zakat, simpanan, motivasi, jaringan dengan tahap prestasi perniagaan usahawan asnaf dalam program ini Jayadiri.

ULASAN LITERATUR

Teori Asas Kajian

Untuk mengkaji prestasi perniagaan usahawan asnaf dalam Program Jaya diri ini, penyelidikan ini menggunakan rangka kerja teori yang berasaskan Teori Berasaskan Sumber (RBV). RBV menjelaskan bagaimana perniagaan berkembang dalam konteks dengan sumber terhad (Penrose, 1959) dan keupayaan yang unik akan mempunyai kelebihan daya saing bagi memaparkan prestasi yang lebih baik.

Hubungan Antara Sokongan Dan Bantuan Zakat, Jaringan, Motivasi Dengan Latihan Keusahawanan Bagi Usahawan Zakat.

Kajian ini turut menguji kesan antara sokongan dan bantuan zakat, jaringan, motivasi dan simpanan dengan latihan keusahawanan bagi usahawan zakat. Kajian lepas mendapati bahawa bantuan dan sokongan oleh AIM dan TEKUN sering diikuti dengan latihan kepada usahawan bagi memastikan kejayaan perniagaan yang dijalankan. Kajian oleh Hamawwa (2018) mendapati bahawa latihan mempunyai hubungan dengan faktor-faktor bukan kewangan. Namun begitu, kajian oleh Nadzreen (2018) terhadap usahawan TEKUN mendapati tiada hubungan yang signifikan latihan dan faktor bukan kewangan. Oleh itu, kajian ini turut menguji sama ada wujud hubungan antara antara sokongan dan bantuan zakat, jaringan, motivasi dan simpanan dengan latihan keusahawanan. Hipotesis bagi kajian ini ialah:

- H1: Terdapat hubungan signifikan antara bantuan zakat dan latihan usahawan asnaf di Kedah.
- H2: Terdapat hubungan signifikan antara jaringan dan latihan usahawan asnaf di Kedah.
- H3: Terdapat hubungan signifikan antara motivasi dan latihan usahawan asnaf di Kedah.
- H4: Terdapat hubungan signifikan antara simpanan dan latihan usahawan asnaf di Kedah.

Latihan dan Prestasi Perniagaan

Latihan dan pendidikan adalah penting bagi meningkatkan prestasi kerja seseorang. Kajian ke atas syarikat swasta di Malaysia oleh Syafiq, Summaya dan Hamza (2018) mendapati bahawa, latihan mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja seterusnya dijangka akan membantu prestasi perniagaan tersebut. Begitu juga dengan usahawan yang memperoleh pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan keusahawanan melalui latihan, yang menjurus kepada prestasi perniagaan. Kajian ke atas PKS di Malaysia mendapati bahawa bantuan kerajaan dalam memberikan latihan seperti kursus keusahawanan menentukan kejayaan PKS (Kader, Azid, & Che, 2009). Manakala kajian oleh Al Mamun dan Ekpe (2016) menunjukkan hubungan positif antara latihan dan prestasi perusahaan mikro. Oleh itu, kajian ini menguji hipotesis,

- H5: Latihan mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi perniagaan.

Kesan Pengantara Latihan Terhadap Hubungan Bantuan Zakat, Jaringan Keusahawanan, Motivasi, Dan Simpanan Dengan Prestasi Perniagaan.

Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan positif bagi faktor bukan kewangan dan kewangan terhadap prestasi perniagaan. Menurut penyelidikan sebelumnya yang dijalankan, melalui penerangan dan analisis pelbagai regresi, didapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara mikrokredit sebagai sokongan dan bantuan dengan prestasi usahawan mikro dan kecil (Rahah, 2014). Motivasi dan jaringan keusahawanan juga didapati mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi perniagaan (Adwin et al., 2016). Oleh yang demikian, hipotesis berikut juga diuji dalam kajian ini.

- H6: Terdapat kesan pengantara latihan terhadap hubungan antara bantuan zakat dengan prestasi perniagaan usahawan asnaf di Kedah.
- H7: Terdapat kesan pengantara latihan terhadap hubungan antara jaringan dengan prestasi perniagaan usahawan asnaf di Kedah.

H8: Terdapat kesan pengantara latihan terhadap hubungan antara motivasi dengan prestasi perniagaan usahawan asnaf di Kedah.

H9: Terdapat kesan pengantara latihan terhadap hubungan antara simpanan kewangan dengan prestasi perniagaan usahawan asnaf di Kedah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif sebagai pendekatan utama kajian dengan pengumpulan data melalui soal selidik. Populasi bagi kajian ini adalah merujuk kepada semua usahawan asnaf yang berdaftar dengan LZNK. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah mengambil kira senarai 68 orang usahawan (unit analisis kajian) sebagai populasi bagi kajian ini. Sampel adalah keseluruhan populasi kerana bilangan responden yang sedikit. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknik kutipan data melalui pendekatan mentadbir sendiri borang soal selidik dan menemubual responden bagi memastikan mereka memahami item-item. Menurut Cavana et al. (2001), pendekatan ini sangat sesuai bagi kajian secara geografinya berada di lokasi yang dekat dan responden mudah ditemui seperti dalam kajian ini yang melibatkan responden hanya di sekitar negeri Kedah sahaja. Borang soal selidik dalam kajian dengan 60 item. Analisis menggunakan Partial Least Squares Structural Equation Modelling digunakan bagi menjawab persoalan kajian.

DAPATAN

Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Pengukuran


Hasil daripada penilaian Kebolehpercayaan Item Individu dibuat berdasarkan *rules of thumb*, iaitu nilai loading item di antara .40 hingga .70 kebolehpercayaan yang dilakukan ke atas 39 item menunjukkan bahawa terdapat tiga item telah dihapuskan. Maka dengan itu nilai keseluruhan item bagi kajian ini adalah 36 dengan nilai loading di antara 0.972 hingga 0.643. Untuk memastikan nilai kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang terdapat dalam kajian ini adalah memuaskan, pengkaji telah menggunakan *rule of thumb* daripada Hair et al. (2011) iaitu nilai pekali kebolehpercayaan komposit haruslah melebihi 0.70. Pekali kebolehpercayaan komposit untuk kesemua pembolehubah pendam yang terdapat di dalam kajian ini adalah antara 0.851 hingga 0.982.

Kesahan Konvergen (Convergent Validity) dan Kesahan Diskriminan (Discriminant Validity)

Kesahan konvergen dinilai dengan meneliti Average Variance Extracted (AVE) untuk setiap pembolehubah pendam. AVE bagi setiap pembolehubah pendam yang harus melebihi 0.50. Kesahan diskriminan adalah merujuk kepada sejauh mana pembolehubah pendam didapati berbeza daripada konstruk-konstruk pendam yang lain. Dalam konteks kajian ini, kesahan diskriminan telah dikenal pasti dengan menggunakan AVE $\Rightarrow$.50 iaitu dengan membandingkan korelasi antara pembolehubah pendam dengan punca kuasa dua AVE (Fornell & Larcker, 1981). Untuk mencapai kesahan diskriminan yang mencukupi, Fornell & Larcker (1981) telah mencadangkan bahawa punca kuasa dua AVE haruslah lebih besar daripada korelasi antara konstruk pendam.

Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Struktural

Bahagian ini akan membincangkan pendekatan kedua di dalam menilai model. Untuk menguji kesignifikanan laluan koefisen, kajian ini telah menggunakan prosedur standard bootstrapping dengan 5,000 sampel dan 49 kes (Hair et al., 2011) ditunjukkan dalam model Rajah 1. Manakala Jadual 1 menunjukkan dapatan bagi model penstrukturan hubungan pembolehubah secara langsung dan perantara bagi pemboleh ubah kepatuhan. Semua hipotesis adalah ditolak termasuk kesan pengantara latihan.



Rajah 1: Model Struktural dan Pengantaraan (Model Keseluruhan)

Jadual 1: Model Penstrukturan Hubungan Pembolehubah Secara Langsung Dan Perantara Bagi Pemboleh Ubah Kepatuhan

Hubungan Hipotesis Pembolehubah	Beta	T Values	P Values	Dapatan
H1: Bantuan Zakat -> Latihan	-0.041	0.23	0.818	Tidak
H2: Jaringan -> Latihan	0.243	1.709	0.088	Tidak
H3: Motivasi -> Latihan	0.258	1.614	0.107	Tidak
H4: Simpanan -> Latihan	0.043	0.303	0.762	Tidak
H5: Latihan -> Prestasi Perniagaan	-0.085	0.615	0.539	Tidak
H6: Bantuan Zakat -> Latihan -> Prestasi	0.003	0.112	0.911	Tidak
H7: Jaringan -> Latihan -> Prestasi Perniagaan	-0.021	0.464	0.643	Tidak
H8: Motivasi -> Latihan -> Prestasi Perniagaan	-0.022	0.42	0.675	Tidak
H9: Simpanan -> Latihan -> Prestasi Perniagaan	-0.004	0.14	0.888	Tidak

Penilaian Varians Pembolehubah Endogenous

Jadual 2 menunjukkan 6.8 peratus kadar varians pembolehubah (Bantuan zakat, Jaringan, Motivasi dan Simpanan) menjelaskan pembolehubah bersandar (Latihan). Manakala, 18 peratus kadar varians pembolehubah (Bantuan zakat, Jaringan, Motivasi, Simpanan dan Latihan) menjelaskan pembolehubah bersandar (Prestasi Perniagaan). Nilai R² menunjukkan nilai yang rendah bagi model keseluruhan.

Jadual 2: Variance Explained dalam Pembolehubah Endogenous

	R Square	R Square Adjusted
Latihan	0.146	0.068
Prestasi Perniagaan	0.266	0.180

PERBINCANGAN

Bagi persoalan kajian, adakah terdapat hubungan signifikan antara bantuan sokongan zakat, jaringan, motivasi dan simpanan kewangan dengan latihan yang dijalani usahawan asnaf di Kedah menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Oleh yang demikian, hipotesis satu hingga empat adalah ditolak. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa latihan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi perniagaan. Dapatan ini menyokong kajian lepas oleh Nadzreen (2018) terhadap usahawan TEKUN mendapati tiada hubungan yang signifikan latihan dan faktor bukan kewangan dan tidak menyokong kajian oleh Hamawwa (2018) mendapati bahawa latihan mempunyai hubungan dengan faktor-faktor bukan kewangan. Keadaan ini menunjukkan bahawa, usahawan asnaf masih memerlukan latihan bagi meningkatkan keupayaan dalam menguruskan perniagaan masing-masing agar dapat menjadi lebih efektif dan efisien. Dapatan kajian kualitatif menyokong kerana didapati ramai usahawan yang tidak atau kurang mendapat latihan formal bagi meningkatkan prestasi perniagaan. Kebanyakan mereka belajar daripada pengalaman bagi proses pengeluaran produk mahupun kemahiran dan pengetahuan dalam aspek pengurusan perniagaan.

Bagi persoalan kajian ketiga, tidak terdapat kesan pengantara yang signifikan bagi latihan terhadap hubungan antara bantuan sokongan zakat, jaringan, motivasi dan simpanan kewangan dengan prestasi perniagaan. Dapatan ini tidak menyokong kajian lepas terhadap latihan yang menunjukkan kepentingan latihan dalam meningkatkan keupayaan modal insan sebagai sumber utama dalam mempengaruhi prestasi perniagaan, terutama bersaiz mikro. Hal ini adalah kerana, usahawan merupakan pemilik dan pekerja kepada perniagaan tersebut dan sumber utama bagi perniagaan. Oleh yang demikian, pihak LZNK perlu menjalankan lebih banyak program latihan yang lebih berstruktur dengan memikirkan bagaimana mendekati mereka. Ada sesetengah usahawan tidak mampu untuk menghadiri kursus kerana faktor logistik atau kemampuan mereka. Walaupun diakui, program latihan banyak dijalankan tetapi usahawan jayadiri memerlukan sokongan secara lebih dekat mungkin dalam bentuk bimbingan atau mentor bagi membantu memberi penasihatn bagi menyelesaikan masalah masing-masing.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, usahawan asnaf mempunyai potensi untuk berjaya dalam perniagaan yang dijalankan. Oleh yang demikian, pihak LZNK perlu menjalankan lebih banyak program latihan yang lebih berstruktur dengan memikirkan bagaimana mendekati mereka. Ada sesetengah usahawan tidak mampu untuk menghadiri kursus kerana faktor logistik atau kemampuan mereka. Walaupun diakui, program latihan banyak dijalankan tetapi usahawan jayadiri memerlukan sokongan secara lebih dekat mungkin dalam bentuk bimbingan atau mentor bagi membantu memberi penasihat bagi menyelesaikan masalah masing-masing. Kajian ini terbatas kepada faktor bantuan, motivasi, jaringan dan simpanan dengan responden usahawan asnaf di negeri Kedah. Adalah dicadangkan kajian akan datang melihat kepada faktor lain yang boleh mempengaruhi perniagaan mikro ini. Kajian perbandingan dengan usahawan asnaf di negeri lain yang lebih maju boleh dijalankan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dilaksanakan di bawah projek Geran Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat, Universiti Utara Malaysia (Kod S/O14239/2018) yang disediakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah.

RUJUKAN

- Adwin Surja Atmadja, Jen-Je Su & Parmendra Sharma, (2016). Examining the impact of microfinance on microenterprise performance (implications for women-owned microenterprises in Indonesia), *International Journal of Social Economics*, Vol. 43 Issue: 10, pp.962-981, Retrieved March 29, 2018 <https://doi.org/10.1108/IJSE-08-2014-0158>Adwin et al., 2016
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Structural equation models with unobservable variables and measurement error: Algebra and statistics.
- Al Mamun, A. & Ekpe, I. (2016). Entrepreneurial Traits and micro-enterprise performance: A study among women micro-entrepreneur in Malaysia. *Development in Practice*, 26 (20), 193-202.
- Nadzreen Syakilah Binti Ahmad Nadzri (2018). Microfinance Factors And Religiosity Influencing Business Performance Of Micro And Small Entrepreneurs (MSE) Among Tekun Borrowers, Research Paper, Master of Science (Management), Universiti Utara Malaysia
- Nyambura, J. N. (2014). An analysis of entrepreneurship aspects of current training programs conducted on practicing micro and small enterprises (MSEs): A case study of Roysambu. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 4(10), 218-220.
- Penrose, E. (1959). *The theory of the growth of the firm*. Oxford: Oxford University Press
- Rahah, I. (2014). Faktor Influencing the Business Performance of Amanah Ikhtiar (AIM) Business Owners. Dissertation. Universiti Utara Malaysia

- Selvarajah, K., Krishnan, T., & Hussin, H. (2017). E-learning Readiness, Entrepreneurship Training, Bumiputera Entrepreneurs; E-learning Readiness, Entrepreneurship Training, Bumiputera Entrepreneurs. *Management*, 7(1), 35–39. <https://doi.org/10.5923/j.mm.20170701.04>
- Shafiq, Sumaiya & Hamza, Sahibzada. (2017). The Effect Of Training And Development On Employee Performance In Private Company, Malaysia. 10.13140/RG.2.2.33047.68005.
- International Journal of Education, Learning and Training, 2(2) pp 42-56
- United Nation. (2019). Independent Group of Scientists appointed by the Secretary-General, Global Sustainable Development Report 2019: The Future is Now – Science for Achieving Sustainable Development,